

Akhhlak Guru Muslim: Antara Realiti dan Ideal

Muslim Teacher Personalities: Between Reality and Ideal

ZURINA ZAKARIA^{1*}& ASHRAF ISMAIL¹

¹Pusat Kajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor Malaysia

*Corresponding Author; email: p109637@siswa.ukm.edu.my

Received: 29 January 2023

Revised: 9 March 2023

Accepted: 12 July 2023

Publish: 1 September 2023

ABSTRAK

Guru memainkan peranan utama dalam pembentukan akhlak pelajar selain ibu bapa. Akhlak guru perlu mengikut syariat Islam dalam semua aspek dan menonjolkan Islam sebagai cara hidup yang lengkap sebelum mendidik para pelajar menjadi insan yang sempurna. Kertas konsep ini bertujuan mengkaji akhlak yang harus ada pada setiap guru Muslim untuk cemerlang sebagai pendidik. Kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis kandungan digunakan. Data yang dikumpul daripada bahan seperti buku, artikel dalam jurnal, prosiding, tesis dan disertasi dianalisis secara deskriptif. Kajian ini membincangkan tentang akhlak guru yang telah didokumentasikan oleh para sarjana Islam. Walaupun kajian secara mendalam belum dilaksanakan lagi, namun hasil daripada penulisan terdahulu mendapati bahawa akhlak guru Muslim yang berkesan boleh diambil perhatian. Akhlak guru Muslim daripada pandangan para sarjana Islam seperti Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam al-Ajurri, Imam al-Mawardi dan Imam al- Nahlawi dapat dirumuskan kepada enam elemen utama iaitu: keimanan yang mantap, berakhhlak baik, berkemahiran dalam pengajaran, sentiasa menasihati, memiliki ilmu psikologi seorang guru, berilmu dan beramal dengan ilmunya. Setiap guru Muslim khususnya dan organisasi pendidikan umumnya harus mengambil berat tentang akhlak guru dan membuat tindakan yang sewajarnya supaya dapat meningkatkan kualiti para guru di Malaysia.

Kata kunci: Keperibadian Muslim; akhlak; guru Muslim; sarjana Islam; kualiti guru

ABSTRACT

A teacher plays a vital role in shaping students' character other than parents. The character of a teacher must be aligned with Islamic law in every aspect and portray Islam as a holistic way of life before educating students to become a comprehensive human being. This concept paper aims to study the characteristics that must be present within every Muslim teacher to become an excellent educator. Qualitative research method through content analysis research design was used. Data collected from books, articles in journals, proceedings, theses and dissertations were analyzed descriptively. The study discusses a teacher's characteristics that were documented by Islamic scholars. Albeit lack of extensive study thus far; previous literature recorded that the effective characteristics of a Muslim teacher should be given attention. Based on Islamic scholars such as Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam al-Ajurri, Imam al-Mawardi and Imam al-Nahlawi, the characteristics of a Muslim teacher can be summarized into six main elements which are: stable faith, good character, skillful in teaching, constantly giving advice, possessing psychological knowledge, knowledgeable and practicing the knowledge. Educational organizations, especially every Muslim teacher must give the characteristics its due attention and take proper action so that as to increase the quality of teachers in Malaysia.

Keywords: Characteristics of a Muslim; character; Muslim teacher; Islamic scholars; teacher quality

PENGENALAN

Masyarakat pada hari ini mengalami keruntuhannya akhlak yang meruncing saban hari. Isu ini turut

melibatkan golongan para guru yang juga telah mencalar amalan nilai profesionalisme keguruan (Mohamad Khairi et al. 2019; Cipto Wardoyo 2015). Akhlak guru Muslim yang tidak mencerminkan

peribadi seorang Muslim yang baik akan menjadi penghalang kepada kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran. Sepatutnya, pendidikan berkualiti memerlukan guru yang mahir dan berkompetensi selaras dengan elemen Standard Guru Malaysia (SGM) iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan bukan hanya sekadar guru menyampaikan ilmu pengetahuan semata-mata tetapi juga untuk membentuk karakter, jati diri dan didikan adab para pelajar. Ilmu pula tidak akan diperoleh tanpa redā dari gurunya. Faktor guru merupakan sesuatu yang lebih dominan dan signifikan dalam menentukan keberhasilan modal insan yang beriman, berakhlik mulia, berilmu, berketerampilan dan sejahtera (Jamil & Said 2015). Seiring dengan kemajuan dan kehendak semasa, guru berdepan dengan pelbagai tuntutan. Keberkesanan seorang guru menjalankan tanggungjawab menjadi harapan semua lapisan masyarakat. Mereka bukan sahaja bertanggungjawab terhadap pelajarnya, bahkan mereka memainkan peranan dominan dalam merealisasikan inspirasi agama, bangsa dan negara yang terkandung dalam falsafah pendidikan negara (Al-Muslim & Zamri 2015).

Setiap guru Muslim juga adalah pendakwah, mereka berperanan menyeru manusia ke jalan Allah s.w.t. Sebagaimana dakwah Nabi Muhammad s.a.w yang diutuskan sebagai nabi akhir zaman dan untuk menyempurnakan *akhlik* umat baginda. Sabda baginda s.a.w yang bermaksud :

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan *akhlik*”
(Abu Hurairah, al-Albani, Kitab al-Silsilah al-Sahihah, status: sahih).

Selain itu, umat Nabi Muhammad juga diangkat sebagai sebaik-baik umat malah terpilih untuk menyambung perjuangan para nabi dan rasul dalam berdakwah (Zaydan 2001). Firman Allah s.w.t dalam surah Ali-'Imran ayat 104 dan 110 menunjukkan bahawa umat akhir zaman ini bertanggungjawab mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah daripada berbuat kemungkaran. Setiap orang Islam tidak kira lelaki atau wanita wajib melaksanakan perintah Allah ini mengikut kemampuan mereka masing-masing (Wahbah 2013). Hal ini kerana dakwah dan ibadah itu memenatkan. Manakala mendidik adalah salah satu cabang dakwah dan ibadah. Oleh itu, kelembutan dan ketegasan perlu ada dalam mendidik. Maka nikmatilah kepenatan dalam kebaikan dan ketaatan, agar pendidikan yang

diberikan akan menjadi bekal menuju ke syurga nanti.

Memegang amanah sebagai pendakwah memerlukan setiap guru Muslim menjaga setiap tingkah lakunya agar selari dengan ajaran Islam yang ingin disampaikan. Walaupun manusia tidak lari daripada berbuat silap, Nabi s.a.w mengajar manusia untuk sentiasa bertaubat. Rasulullah s.a.w bersabda:

“Setiap anak Adam berbuat salah dan sebaik-baik mereka yang bersalah adalah yang bertaubat” (Ibnu Majah, Sunan Ibnu Majah, Kitab al-Zuhd, Bab Kullu Bani Adam Khatta' wa Kullu Khatta'in al-Tawwabun, status: hasan).

Pendidik seharusnya lebih menjaga adab dan tingkah laku mereka kerana para pelajar pasti ingin melihat contoh terbaik di hadapan mereka untuk mengamalkan isi kandungan yang telah disampaikan. Persoalannya, apakah *akhlik* yang seharusnya ada pada seorang guru Muslim yang cemerlang? Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneliti kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana Islam sebelum ini.

KONSEP AKHLAK

Akhlik secara etimologi ialah bentuk *jamak* dari *al-khuluq* atau *al-khulq*, yang bererti: tabiat, budi pekerti; kebiasaan atau adat; keperwiraan, kesatriaan, kejantanan; agama dan kemarahan. *Akhlik* mencerminkan karakter diri seseorang. Definisi *akhlik* ialah suatu keadaan yang melekat pada jiwa manusia yang lahir daripadanya sesuatu perbuatan dengan mudah, tanpa melalui proses pemikiran, pertimbangan atau penelitian. Jika melahirkan perbuatan baik dan terpuji menurut akal dan hukum Islam, hal tersebut disebut *akhlik* baik; jika melahirkan perbuatan tidak baik, hal tersebut disebut *akhlik* buruk (Ensiklopedia Islam 2004).

Menurut Ibnu Miskawaiyah dalam kitabnya *Tahdhib al-Akhlik* menyatakan, *akhlik* adalah suatu hal kejiwaan yang mendorong seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan mudah tanpa berfikir dan perencanaan yang rapi. Hal kejiwaan ini terbahagi kepada dua, iaitu hal yang berlaku secara semula jadi atau fitrah seperti marah, sedih dan ketawa, serta hal yang terbentuk daripada kebiasaan dan latihan, yang mana bermula dengan pemikiran dan perencanaan dan kemudian telah dibiasakan sehingga menjadi kebiasaan dan sifat peribadi (Mohd Nasir 2016). Al-Ghazali (1999) menyokong takrif yang diberikan oleh Ibnu Miskawaiyah dan menambah dengan

merujuk *akhlak* kepada suatu disposisi yang mantap dalam jiwa manusia dan darinya segala perbuatan berhasil dengan mudah tanpa melibatkan pemikiran dan deliberasi. Menurut al-Ghazali, sesuatu yang dinyatakan baik pada akal dan syara', ia dinamakan *akhlak* terpuji. Jika sesuatu yang buruk pada akal dan syara' pula dinamakan *akhlak* terkeji.

Akhvak terbahagi kepada dua, *akhlak* terpuji atau baik dan *akhlak* terkeji atau buruk (Fariza et al. 2017). Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Shams ayat 7 dan 8 yang bermaksud:

"Dan jiwa serta penyempurnaan (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya." (91: 7-8)

Ibnu Kathir (2010) mentafsirkan ayat tersebut bahawa Allah telah menciptakan jiwa setiap manusia dalam keadaan sempurna dan fitrah yang suci. Kemudiannya diterangkan untuk manusia perkara yang baik dan perkara yang buruk agar mereka mengetahui kerana manusia diberi kebebasan untuk melakukan apa-apa sahaja. Maka, Islam menyediakan al-Qur'an dan sunnah Nabi s.a.w untuk dijadikan panduan jika mahu sentiasa berada di landasan yang benar. *Akhvak* terpuji yang dicatatkan dalam al-Qur'an antaranya adalah ikhlas, ihsan, menghormati orang lain, *tawadu'* dan berkasih sayang. Manakala antara *akhlak* tercela yang dinyatakan dalam al-Qur'an ialah berprasangka buruk, bermusuhan, kedekut dan sompong. *Akhvak* tercela yang boleh dikategorikan sebagai personaliti abnormal adalah berpunca daripada hati yang tidak dapat mengawal nafsu apabila dihasut oleh syaitan (Fariza et al. 2017). Nabi s.a.w pernah bersabda yang bermaksud:

"Ketahuilah, sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging, jika segumpal daging itu baik, maka akan baik seluruh tubuh manusia, dan jika segumpal daging itu buruk, maka akan buruk seluruh tubuh manusia, ketahuilah bahawa segumpal daging itu adalah hati manusia." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, kitab al-iman, bab fadl man istabra'a lidinihi, status: sahih)

Dalam kajian Mizan Adiliah et al. (2004) konsep *akhlak* mengandungi konstruk yakin, sabar, jujur, penyayang, *tawadu'*, membimbing dan saling membantu. Selain itu, kajian Walker (2008) pula berdasarkan pengalamannya berkomunikasi dengan para pelajar institut perguruan, telah menyenaraikan dua belas karakter guru yang efektif dan mendapat tempat di hati para pelajar. Hasil kajian mendapatkan karakter tersebut adalah sentiasa bersedia dengan bahan mengajar, mempunyai pandangan yang tinggi,

positif, kreatif, mudah didekati, menunjukkan rasa berperhatian, adil, berjenaka, menghormati pelajar, kasih sayang, memaafkan dan mengakui kesilapan.

Kesimpulannya, *akhlak* merupakan ciri-ciri personaliti atau keadaan tertentu dalam jiwa seseorang individu yang konsisten sehingga membentuk peribadi, sahsiah dan tingkah laku secara mudah tanpa memerlukan tempoh berfikir dan perancangan yang rapi, sama ada diperoleh melalui pembiasaan dan latihan yang berterusan atau secara semula jadi dari dalam diri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Menurut Chua Yan Piaw (2014), reka bentuk penyelidikan harus sesuai untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh permasalahan kajian yang telah dikenal pasti. Oleh itu, reka bentuk kajian ini ialah kajian analisis kandungan. Data kajian ini ialah data kualitatif yang diperoleh daripada analisis dokumen. Analisis dokumen digunakan bagi mengumpul data daripada bahan bacaan seperti buku, artikel dalam jurnal dan prosiding, serta tesis dan disertasi. Analisis dokumen digunakan bagi mengetahui isi dan makna yang terkandung di dalam dokumen tersebut (Kamarul Azmi Jasmi 2012). Data tersebut dianalisis menggunakan pendekatan analisis secara deskriptif.

REALITI AKHLAK GURU MASA KINI

Masyarakat pada hari ini sedang berhadapan dengan krisis *akhlak* yang sangat membimbangkan. *Akhvak* yang sepatutnya menjadi lambang keimanan seseorang telah hilang, sekaligus identiti Islam juga tercalar dan tercemar. Hal ini tidak wajar dibiarkan kerana bukan sahaja merosakkan generasi yang terlibat, malah akan turut memberi kesan kepada generasi yang akan datang. Permasalahan ini akan dapat diubah melalui pendidikan kerana guru memainkan peranan utama dan mempunyai kesan peribadi serta pengaruh yang besar terhadap rentak hidup semua peringkat dan golongan pelajar, terutama sekali dari segi tingkah laku sosial mereka. Oleh itu, guru mestilah memiliki *akhlak* yang mulia sebelum berhadapan dengan para pelajar dan masyarakat sekelilingnya.

Kajian mengenai masalah dan cabaran pendidikan tidak ketinggalan daripada membincangkan kualiti guru itu sendiri dalam menjalankan pengajaran dan pembelajaran

(PdP). Guru yang tidak mempunyai *akhlak* yang baik menjadi penghalang utama kepada proses pelaksanaan PdP. Terdapat dalam kalangan guru yang dilaporkan terlibat dengan salah laku seks (Berita Harian 2018), gangguan seksual dilakukan guru kepada pelajar (Harian Metro 2021), kes penderaan (Berita Harian 2019; Metro 2021), guru kurang minat membimbung murid (Ab. Halim 2005), guru dikaitkan dengan sikap garang dan bersikap ego dengan murid (Ab. Halim 2000), isu guru kemurungan (Harian Metro 2019), menangani murid bermasalah (rotan pelajar) (Sinar Harian 2019), guru dipaksa merangkak (Harian Metro 2020), guru disyaki galak perbuatan rogol (Sinar Harian 2021), 28 guru di Melaka alami kemurungan (Sinar Harian 2022), agamawan ekstrem (Berita Harian 2023) dan guru melakukan sentuhan fizikal secara kasar dengan murid (Mohd Anuar et al. 2016). Selain itu, kurangnya persediaan dalam memahami tugas guru dan keadaan pelajar dari segi potensi, emosi serta latar belakang mereka juga memberikan kesan buruk pada PdP yang disampaikan kerana kaedah yang digunakan tidak bersesuaian dengan pelajar. Antara punca kegagalan PdP juga adalah pengurusan sahsiah keperibadian yang kurang baik sehingga pelajar tidak menerima mesej yang disampaikan dengan berkesan. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNKJ) pada tahun 2013 menunjukkan 30% guru mempunyai sahsiah di bawah skor memuaskan (KPM 2013). Selain itu, Kamarul Azmi Jasmi (2011) menyatakan tentang kualiti dan personaliti guru Pendidikan Islam kurang memuaskan berbanding dengan tuntutan agama Islam. Justeru, guru Pendidikan Islam seharusnya menjadi kayu ukuran kepada keperibadian contoh Islam menghayati keseluruhan sifat serta *akhlak* yang mulia untuk menjadi guru Muslim dalam kalangan pelajar dan rakan sekerja serta pihak pentadbir.

Bagi memastikan keberkesanannya penyampaian PdP, setiap pendidik harus didedahkan dengan *akhlak* guru sebenar yang harus ada dalam diri mereka untuk menghadapi para pelajar. Seorang guru semestinya mempunyai *akhlak* dan peribadi unggul seperti ikhlas, adil, sabar, jujur, pemaaf, pemurah, bijaksana, kasih sayang, *tawadu'* dan menampilkkan wajah ceria yang mampu meyakinkan mereka yang mendengar ilmunya untuk menerima dan melaksanakan mesej yang disampaikan. Seseorang guru mesti memiliki *akhlak* yang ideal sebagaimana yang telah disarankan oleh para sarjana

Islam berpandukan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai sumber utama sebelum berkhidmat di sekolah-sekolah. Hal ini membolehkan guru mempengaruhi pelajarnya ke arah kebaikan, sebagai ikutan dan contoh teladan seterusnya menjadi pemimpin yang dihormati. Pendidikan bukan hanya pemindahan ilmu pengetahuan semata-mata malah mencakupi aspek pembangunan diri keseluruhannya termasuk *akhlak*. Pendidik yang tidak mempunyai kualiti peribadi dan kemahiran yang mantap sebelum masuk ke dunia pendidikan akan gagal dalam menjalankan tanggungjawabnya dengan baik (Ab. Halim, Muhamad Faiz & Kamarul Azmi 2012). Oleh itu, personaliti guru harus dibina dalam diri setiap guru yang ingin melaksanakan PdP dengan berkesan.

Perbincangan mengenai personaliti adalah dalam disiplin ilmu psikologi. Namun, personaliti boleh diterjemahkan secara mudah dengan perkataan peribadi, sahsiah atau *akhlak*. Oleh itu, dalam menjalani kehidupan sehari-hari, manusia tidak dapat lari daripada mengaitkannya dengan personaliti kerana kehidupan sentiasa berkisar tentang tingkah laku, pemikiran dan tindakan manusia dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Masalah akan timbul apabila berlaku kecelaruan dan gangguan terhadap personaliti individu tersebut (Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015). Gangguan terhadap personaliti boleh dikesan daripada tingkah laku atau *akhlak* yang buruk seperti marah, dendam, dengki, bangga diri dan cinta akan dunia (Fariza et al. 2017).

PERBINCANGAN MENGENAI AKHLAK GURU MUSLIM IDEAL

Akhlaq guru Muslim ialah ciri-ciri tertentu yang harus ada dalam diri seorang Muslim yang bergelar pendidik. Terdapat banyak kajian yang membincangkan persoalan *akhlak* guru di Malaysia antaranya adalah kajian Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar (2016); Nazirah & Kamarul Azmi (2016); Salbiah et al. (2017); Nasarudin, Tengku Intan Zarina & Sabri (2018); Salbiah Mohamed Salleh (2018); Fairuzzah Harun (2018); Mohd Anuar Mamat (2019); Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini (2020); Muhamad Akip (2020); Lina Mastura (2020); Habibah, Norshahrul & Zaharah (2020) dan Noor Azizah & Suziyani (2021). Kajian-kajian yang dijalankan itu menjadikan *akhlak*, pengetahuan dan tahap akademik, kemahiran, kepimpinan serta sifat fizikal guru sebagai tema utama dalam menilai *akhlak* guru dalam mana-mana

organisasi terutamanya institusi pendidikan. Setiap tema mempunyai beberapa konstruk tersendiri yang mampu mengukur *akhlak* seorang guru.

Kajian lain yang berkaitan *akhlak* guru ialah kajian berkenaan personaliti sebagai seorang guru atau pendakwah. Kajian-kajian tersebut mendatangkan ciri-ciri dan sifat yang seharusnya dimiliki oleh guru, pendidik dan sekaligus sebagai seorang pendakwah seperti mana yang disebutkan oleh Muhamad Faiz et al. (2012). “Tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah atau dalam erti kata lain seorang guru pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau *dai*. Ahmad Tarmizi & Ab. Halim Tamuri (2013) juga berpandangan yang sama iaitu guru berperanan sebagai pendidik dan pendakwah dengan cara menyeru atau mendorong generasi muda khususnya pelajar-pelajar dan juga masyarakat setempat untuk melaksanakan ibadat atau perkara yang dituntut dalam Islam. Istilah *mu'allim*, *mudarris*, *muaddib*, *mursyid* dan *murabbi* diberikan kepada guru dengan kata lain, guru bukan sahaja menjadi penyampai ilmu, malah guru yang cemerlang memiliki sifat kasih sayang, adil dan memiliki ilmu yang mendalam serta mengambil berat terhadap pelajarnya walaupun di luar sekolah (Ahmad Tarmizi & Ab. Halim Tamuri 2013). *Akhlek* seorang pendidik yang baik juga boleh diukur dengan mendapatkan respon daripada para pelajar sendiri seperti dalam kajian Asmawati et al. (2014). Hasil kajiannya mendapati para pelajar lebih bersedia menerima ajaran daripada pensyarah yang tidak pilih kasih antara para pelajarnya. Para pelajar juga tertarik dengan pensyarah yang bertoleransi dan menerima pandangan para pelajar. Sikap toleransi ini berhubung kait dengan kemahiran seorang pensyarah atau pendidik memenangi hati pelajar melalui emosi mereka.

Sejajar dengan itu, pendidikan akhlak hendaklah diterapkan kepada seluruh lapisan masyarakat termasuk golongan guru bahkan perlu diajar untuk memberitahu bagaimana seharusnya manusia bersikap, berfikir dan bertingkah laku kepada Tuhan, terhadap sesama manusia serta alam seluruhnya. Justeru, salah satu cara yang boleh menjadi benteng utama untuk menangani kepincangan yang berlaku adalah dengan meningkatkan semula pendidikan *akhlak* dan menonjolkan kembali karya-karya *akhlak* daripada para sarjana Islam.

AKHLAK GURU MENURUT IMAM AL-GHAZALI

Menurut al-Ghazali dalam Fariza et al. (2017) menyatakan *akhlak* dapat dibaiki melalui usaha dan latihan jiwa yang sesuai. Proses pemberian ini adalah dengan mendidik hati supaya mempunyai kekuatan untuk mengawal nafsu syahwat dan tingkah laku. Apabila hati mampu mengawal nafsu syahwat maka akan lahir *akhlak* yang baik. Terdapat dua faktor yang mendorong kepada kebaikan personaliti individu. Pertama ialah kurniaan tuhan secara semula jadi dengan akal yang sempurna dan personaliti yang baik. Nafsu syahwat dan *ammarah* mereka sempurna di bawah kawalan akal dan agama yang terdiri daripada individu pilihan dalam kalangan para nabi. Kedua pula adalah dengan usaha manusia itu sendiri. Usaha dengan cara yang bersungguh-sungguh dan latihan jiwa untuk memperbaiki personaliti individu.

Peranan guru sebagai pendidik sangat penting dan berat. Al-Ghazali (2008) membuat perumpamaan antara guru dengan muridnya ibarat tongkat dengan bayang-bayang. Bagaimanakah caranya untuk kita mendapatkan bayang-bayang yang lurus sekiranya tongkat tersebut telah bengkok. Oleh itu, seorang guru perlu memenuhi beberapa kriteria dan tanggungjawab dalam proses menyampaikan ilmu antaranya adalah memiliki rasa kasih sayang kepada murid dan melayan mereka seperti anak sendiri, mengikuti teladan Rasulullah s.a.w iaitu tidak meminta upah, balasan dan ucapan terima kasih atas tugasnya tetapi kerana Allah s.w.t, memberikan nasihat mengenai apa-apa sahaja demi kepentingan masa depan murid-muridnya, memberi nasihat kepada murid dengan tulus dan mencegah mereka daripada melakukan perkara buruk serta *akhlak* yang tercela, menjaga maruah dan imej muridnya dari segi psikologi, mengajar mengikut tahap kemampuan, kesesuaian dan kemampuan akal fikiran muridnya, tidak melecehkan mata pelajaran lain dan mengamalkan apa-apa yang diajar.

Selain itu seseorang guru mesti mementingkan *akhlak* sebagai seorang guru. Melalui kitab *Bidayah al-Hidayah*, Imam al-Ghazali memberi bimbingan dan panduan kepada setiap Muslim dalam menjalani kehidupan sehari-hari untuk menjadi individu yang baik pada pandangan Allah serta pandangan manusia. *Akhlek* guru yang dinyatakan antaranya adalah seperti yang berikut: Bertanggungjawab; Bersabar; Duduk diam dengan bermaruah; Tidak

sombong terhadap semua orang, kecuali orang yang zalim dengan tujuan mengawal kezalimannya; Mengutamakan merendah diri dalam mesyuarat; Tidak suka bergurau; Mesra dengan pelajar; Teliti dan setia mengawasi pelajar yang nakal; Setia membimbangi pelajar yang jahil; Tidak mudah marah kepada pelajar yang bodoh atau lambat berfikir; Tidak malu berkata: “saya tidak tahu, apabila ditanya soalan yang belum dipelajari; Beri perhatian kepada pelajar yang bertanya dan cuba menjawabnya dengan baik; Terima alasan yang dikemukakan kepada mereka; Tunduk kepada kebenaran, dengan kembali kepadanya jika dia salah; Melarang menuntut ilmu yang memudaratkan; Memberi amaran kepada pelajar supaya belajar agama tetapi untuk kepentingan selain Allah; Amaran kepada pelajar supaya tidak sibuk belajar ilmu fardu kifayah sebelum habis belajar ilmu fardu ‘ain; Meningkatkan ketaqwaan kepada Allah zahir dan batin; Mengamalkan makna taqwa dalam kehidupan sehari-hari sebelum menyuruh murid meneladani perbuatannya dan memanfaatkan perkataannya (Al-Ghazali 2004; Asy’ari 2019).

AKHLAK GURU MENURUT IMAM AL-NAWAWI

Imam al-Nawawi menulis mengenai adab mengajar (guru) dan belajar al-Qur'an di dalam kitab beliau *At-Tibyan fi Adabil Hamalatil Qur'an*. Di sini pengkaji hanya menerangkan tentang adab bagi guru antaranya, pertama perkara yang perlu dilakukan oleh guru ialah ikhlas niat kerana Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Bayyinah 98:5 yang bermaksud:

“Tidaklah mereka diperintahkan melainkan untuk mentaati Allah dengan ikhlas lagi tetap teguh di atas landasan tauhid dan supaya mereka mendirikan solat dan menunaikan zakat. Demikian itulah agama yang lurus.” (98:5)

Manakala diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari dan Sahih Muslim, daripada Umar bin al-Khattab daripada Rasulullah SAW, baginda bersabda yang bermaksud:

“Sesungguhnya setiap amalan bergantung kepada niat dan setiap orang mendapat apa-apa yang dia niatkan”. (al-Bukhari dan Muslim, status: sahih)

Dalam sebuah riwayat daripada Huzaifah al-Mar’asyi r.a. berkata: “Ikhlas ialah keadaan perbuatan seorang hamba yang sama dari sudut zahir dan batin.”(Al-Nawawi 2017)

Perkara kedua ialah guru tidak mengharap balasan segera atau untuk mendapat apa-apa jua habuan dunia seperti harta, kuasa, kemegahan, keunggulan berbanding rakan-rakannya, pujian, perhatian manusia dan seumpamanya. Firman Allah s.w.t. dalam surah al-Syurā 42:20 dan surah al-Isra' 17:18 menjelaskan bahawa Allah akan segerakan kepada sesiapa yang menghendaki kebaikan di dunia semata-mata dengan apa-apa yang dikehendaki-Nya (Wahbah 2013). Selain itu, diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a. beliau berkata, Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Sesiapa yang mempelajari suatu ilmu yang sepatutnya diletakkan harapan untuk mendapat reda Allah s.w.t., namun dia tidak mempelajarinya melainkan inginkan suatu habuan dunia, maka dia tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat.” (Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, status: sahih lighairih).

Manakala yang ketiga ialah tiada iri dalam hati seorang guru yang benar-benar mahukan reda Allah s.w.t. menerusi pengajaran yang dilakukannya. Sebuah ucapan sabit daripada Imam al-Syafi'i r.a., katanya, “Aku suka apabila manusia mempelajari ilmu ini (iaitu ilmu dan buku beliau) tanpa menisbahkan walau suatu huruf yang ada di dalamnya pun kepadaku”(Al-Nawawi 2017).

Seterusnya yang keempat ialah berakhhlak baik, seorang guru hendaklah berakhhlak dengan segala kelakuan baik, peribadi yang terpuji, tabiat yang direndai dan melazimi seluruh ketetapan syara' serta berwaspada daripada sifat *hasad*, *riya'*, *ujub* dan menghina orang lain meskipun kedudukan mereka lebih rendah daripadanya. Guru mestilah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. ketika bersendirian atau terang-terangan, sentiasa menjaga dan memastikan pergantungan hanya kepada Allah s.w.t. dalam segala urusan yang dilakukan. Perkara kelima pula ialah berlemah lembut, seorang guru hendaklah berlemah lembut dengan orang yang belajar daripadanya, mengalu-alukan dan berbuat baik kepadanya sesuai dengan keadaan mereka berdua ketika itu.

Manakala ciri keenam ialah sentiasa menasihati, seorang guru hendaklah bersungguh-sungguh memberi nasihat kepada pelajarnya kerana Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Agama adalah nasihat: kepada Allah, kitab-Nya, rasul-Nya, para pemimpin daripada kalangan Muslimin dan orang awam mereka.” (Riwayat Muslim daripada Tamim al-Dārī, Kitab Sahih Muslim, status: sahih)

Seorang guru hendaklah mengasihi dan mengambil berat terhadap *maslahat* pelajar sama seperti diri dan anaknya. Guru juga hendaklah suka akan kebaikan yang diperoleh oleh pelajarnya sebagaimana dia suka apabila kebaikan itu diperolehnya sendiri dan sebaliknya. Sebuah hadith sabit dalam ash-Shahihain, daripada Anas bin Malik daripada Rasulullah s.a.w., Baginda bersabda yang bermaksud:

“Tidak sempurna iman seseorang sehingga apabila dia suka agar sesuatu (kebaikan) diperoleh saudaranya sebagaimana dia suka apabila kebaikan itu diperolehnya” (al-Bukhari dan Muslim, status: sahih).

Ciri yang ketujuh pula ialah bersopan santun dan merendah diri, seorang guru hendaklah tidak membangga diri bahkan menyantuni dan merendah diri di hadapan para pelajarnya.

Seterusnya, kelapan ialah membimbing ke arah kebaikan, seorang guru perlu mendidik pelajar secara berperingkat dengan adab yang tinggi, tingkah laku yang direfäai dan latihan diri pada perkara-perkara kecil dan tersembunyi. Guru perlu membiasakannya dengan memelihara segenap perkara zahir dan batin, mendorongnya supaya ikhlas, bersikap benar, niat yang baik dan selalu menyedari pengawasan Allah s.w.t. dalam setiap keadaan. Selain itu, ciri kesembilan ialah mengajar sebagai satu kewajipan. Walaupun hukum mengajar para pelajar ialah fardu kifayah namun jika guru itu telah diberi kelayakan maka dia wajib mengajar. Kesepuluh pula ialah bersungguh-sungguh dan fokus, seorang guru digalakkan mengajar dengan bersungguh-sungguh dan lebih fokus kepada para pelajar berbanding keperluan dirinya yang tidak mendesak. Guru hendaklah mengosongkan hati daripada hal yang menyibukkan dirinya, yang jumlahnya banyak dan dimaklumi. Guru juga mestilah berusaha untuk memberi kefahaman dan sesuatu yang sesuai bagi setiap pelajar (Al-Nawawi 2017; 1996).

Seterusnya yang kesebelas ialah adil dan mengambil berat mengenai para pelajar walaupun jumlahnya ramai. Guru perlu menunjukkan raut wajah yang gembira dan ceria, mengawasi dan memerhatikan keadaan setiap pelajar serta bertanyakan tentang mereka yang tidak hadir. Selain itu, yang kedua belas ialah sebagai guru al-Qur'an, guru perlu mendengar dengan tenang ketika bacaan al-Qur'an diperdengarkan kepadanya. Guru hendaklah duduk dengan tenang, memelihara kedua-dua tangannya daripada perkara sia-sia dan menjaga matanya daripada melihat perkara

yang tidak perlu. Selain itu, antara adab yang perlu ditekankan dan diambil perhatian oleh seseorang guru ialah tidak memperlekeh ilmu atau merendahkan nilai ilmu. Maka dia hendaklah pergi ke tempat yang mempunyai guru untuk mempelajari ilmu daripadanya, sekalipun dia ialah khalifah atau sesiapa sahaja. Akhir sekali ialah seorang guru hendaklah menyediakan tempat yang selesa dan sesuai kepada para pelajarnya (Al-Nawawi 2017). Diriwayatkan dalam sebuah hadis dengan sanad yang sahih daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a., Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

“Sebaik-baik majlis ialah majlis yang paling luas.” (Abu Dawud, Sunan Abi Dawud, Kitab Adab, Sahih)

AKHLAK GURU MENURUT IMAM AL-AJURRI

Setiap pendidik perlu mempunyai karakter orang ‘alim apabila sudah dikenali sebagai ahli ilmu untuk memantapkan lagi keupayaannya menyampaikan ilmu pengetahuan lebih-lebih lagi pada zaman yang serba moden ini. Antara *akhlik* pendidik dari perspektif Imam Abu Bakar Muhammad bin Al-Husain bin Abdillah al-Ajurri dalam kitab “Akhlik Ulama Pewaris Nabi” adalah *tawadu’*, mengharap keredaan Allah SWT dengan ilmunya, bersikap sopan dan berlemah-lembut, selalu menasihati muridnya agar bertanya perkara-perkara yang bermanfaat bagi mereka, menyebarkan hikmah dan nasihat yang baik, berpegang kepada al-Qur'an, al-Sunnah, apa-apa yang dijalani oleh para sahabat, tabi'in dan imam kaum muslimin serta pengingat bagi orang yang lalai dan pemberi pelajaran bagi orang yang belum mengetahui (Al-Ajurri 2019).

Ketawadu’an ahli ilmu kepada orang yang ‘alim mahupun tidak ‘alim, setara tingkat keilmuannya atau di bawahnya, kepada orang miskin dan orang-orang soleh agar bermanfaat ilmunya bagi mereka. Tambahan pula antara sifat seorang guru dalam ilmu, kejujuran dan *iradah* adalah hanya mengharapkan keredaan Allah s.w.t. semata-mata bukan untuk mencari kedudukan mulia di sisi para pemimpin atau raja. Tidak juga mengharapkan upah dari ilmunya dan keinginannya dipenuhi.

Semasa proses perkongsian ilmu, seorang guru harus bersikap sopan terhadap sesiapa sahaja yang berada di dalam majlis tersebut. Dia berlemah -lembut terhadap siapa pun yang bertanya kepadanya. Bersabar terhadap pelajar yang kemampuan otaknya lembam dalam memahami sehingga mereka boleh memahami ilmu dan tidak membiarkan mereka terjebak dalam perkara-perkara

yang tidak bermanfaat. Dia berakhhlak dengan *akhhlak* yang mulia dan menjauhi tingkah laku yang hina. Selain itu, dia selalu menasihati muridnya supaya bertanya hal-hal yang berfaedah bagi mereka, meminta mereka agar diam dan mendengarkan ilmu yang disampaikan. Tidak bersikap keras dan tidak pula membentak pelajar yang bertanya sehingga menjatuhkan kehormatannya, namun sentiasa memberi kesempatan untuk bertanya dan mendorong muridnya menuntut ilmu-ilmu wajib.

Seterusnya, seorang guru perlu menjelaskan perkara-perkara yang para pelajar bimbang sukar untuk memahaminya dengan penuh hikmah dan nasihat yang baik. Guru harus sentiasa menyebarkan hikmah sebagai nasihat dan berdiam diri dari orang jahil sebagai bentuk kemurahan hati kepada mereka. Manakala apabila ditanya suatu persoalan, seorang guru akan menjawab jika mengetahuinya. Sekiranya tidak tahu jawapannya, maka guru tersebut tidak akan malu untuk mengatakan, "Aku tidak mengetahuinya". Jika ditanya suatu masalah yang masih samar pendapat tentang hal itu pula, dia akan mengatakan, "Cuba tanyakan kepada orang lain selain diriku", seorang guru yang baik tidak akan memaksakan diri kepada persoalan yang belum dikuasai. Selain itu, asas pegangan seorang guru Muslim ialah al-Qur'an, al-Sunnah dan ijma' ulamak yang terdiri daripada para sahabat, tabi'in dan para ulamak imam kaum muslimin. Akhir sekali, seorang guru Muslim perlu juga memberi peringatan kepada orang yang lalai dan pelajaran kepada orang yang belum mengetahui serta hikmah kepada orang yang berhak. Ibaratnya seperti seorang doktor yang memberikan ubat yang sesuai dengan pengetahuannya bahawa ubat itu sesuai dan berguna kepada pesakitnya (Al-Ajurri 2019; 2003).

AKHLAK GURU MENURUT IMAM AL-MAWARDI

Imam al-Mawardi menyebutkan dalam kitab *Adab Al-Dunya Wa Al-Din* beberapa *akhhlak* yang harus dimiliki oleh seorang guru antaranya yang pertama memiliki sifat *tawadu'*, sikap *tawadu'* yang dimaksud ialah sikap rendah hati dan saling menghargai. Sikap demikian akan melahirkan rasa persamaan, menghormati orang lain, toleransi dan cinta keadilan. Dengan sikap *tawadu'* tersebut seorang guru akan menghargai muridnya yang mempunyai pelbagai potensi, serta melibatkannya dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran. Kedua mengajarkan ilmu yang diketahuinya. Guru haruslah

mengajarkan ilmu yang telah dikuasainya supaya apa-apa yang disampaikan jelas dan dapat difahami oleh muridnya. Selanjutnya Imam al-Mawardi juga berpendapat bahawa tidak mengetahui sebahagian ilmu bukanlah aib yang memalukan, maka tidaklah buruk jika seorang guru berkata "aku tidak tahu," tentang hal-hal yang tidak diketahuinya. Walaupun guru itu dianggap sebagai seorang yang banyak ilmu dan dia tidak perlu malu dan segan untuk bertanya tentang perkara yang tidak diketahuinya. Ketiga mengetahui kapasiti diri, guru yang tahu dan sedar akan kapasiti dirinya akan melahirkan sikap bertanggungjawab terhadap ilmunya. Guru yang sedar akan keterbatasannya akan membuatkan dia terus belajar dan mengembangkan kualitinya sebagai seorang guru dalam proses pembelajaran. Guru yang tidak mengetahui kapasiti dirinya akan cenderung untuk berasa mampu dan berasakan dirinya mempunyai pengetahuan yang mencukupi, dengan sikap ini akan menyukarkan seseorang guru untuk meningkatkan dan mengembangkan kualitinya ke arah yang lebih baik.

Seterusnya yang keempat, seorang guru hendaklah mengamalkan ilmu yang dimilikinya. Apa-apa yang disampaikan kepada muridnya, itu merupakan hal yang seharusnya dilakukan oleh gurunya terlebih dahulu. Selain itu, guru juga harus memotivasi dirinya untuk mematuhi apa-apa yang diperintahkan ilmu kepadanya. Imam al-Mawardi juga berpendapat guru hendaklah menjauhi daripada berkata terhadap apa-apa yang tidak dikerjakan, menyuruh apa-apa yang tidak dikerjakan dan menyembunyikan apa-apa yang seharusnya diperlihatkan. Kelima pula seorang guru hendaklah tidak bakhil atas ilmunya kerana hal tersebut akan menyebabkan ilmunya semakin bertambah dan berkembang. Pengajaran yang dilakukan oleh seorang guru, tidak hanya untuk mendapat ganjaran pahala dari Allah s.w.t. tetapi hal itu juga bermanfaat bagi keilmuannya yang akan menyebabkannya bertambah dan memperkuat ingatannya terhadap ilmu-ilmu dan pengetahuannya. Keenam mengenali potensi muridnya, seorang guru haruslah mengetahui tahap kecerdasan muridnya untuk memperolehi hasil yang maksimum. Ketujuh seorang guru harus mengelola kelas dengan baik, mengendalikan proses pengajaran menggunakan kaedah yang tepat, menarik dan mudah difahami oleh muridnya serta menciptakan suasana yang aktif dan responsif.

Pendapat Imam al-Mawardi menunjukkan bahawa seorang guru wajib mentaati pemimpin yang berada dalam kebenaran dan memberi sumbangan ilmu yang bermanfaat bagi kepemimpinannya sehingga dapat memimpin negara dengan lebih baik. Seorang guru hendaklah memiliki sifat yang tegas dan teguh untuk tidak mengikuti pemimpin yang tidak berada dalam kebenaran, yang menyuruh menjauhi agama karena hal tersebut dapat menyebabkannya terjerumus dalam keburukan. Selanjutnya, membersihkan diri dari perkara yang *syubhah*. Guru yang dimaksudkan oleh Imam al-Mawardi adalah memiliki sifat *wara'* dan memiliki sikap berhati-hati dalam segala hal, terutama dari perkara atau penghasilan yang bersifat *syubhah*, yang diragukan status halal dan haramnya maka hendaklah ia meninggalkan hal yang diragukan tersebut. Selain itu, seorang guru hendaklah mengajar iklas semata-mata kerana Allah s.w.t. dengan tujuan mengharap keredaan dan ganjaran pahala dari-Nya, bukan mengharapkan balasan berupa material sehingga dengan keikhlasan tersebut akan melahirkan sikap penuh tanggung jawab dalam pelaksanaan tugasnya sebagai guru. Seorang guru juga hendaklah berperanan sebagai penasihat dan pembimbing bagi pelajarnya untuk memberikan arahan yang positif dan bimbingan untuk membantu memudahkan urusan pelajarnya dalam proses pembelajaran mahupun dalam kegiatan sehariannya. Selain itu juga guru sentiasa menyayangi dan mengasihi semua pelajarnya dengan menunjukkan sikap tersebut ketika berada di hadapan mereka. Akhir sekali, seorang guru tidak boleh berkasar, menghina dan mengcilkan pelajarnya namun hendaklah memandang pelajarnya sebagai individu yang memiliki potensi yang boleh dikembangkan oleh gurunya. Seterusnya, guru juga tidak boleh membuat pelajarnya berputus asa dan berasa kecewa serta memilih untuk berhenti belajar (Al-Mawardi t.t).

AKHLAK GURU MENURUT IMAM AL-NAHLAWI

Imam al-Nahlawi telah menukilkan ciri-ciri keperibadian yang mesti ada pada seorang guru

Muslim dalam kitabnya *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asâlibuha fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Pertama ialah tujuan, tingkah laku dan pemikiran guru hendaklah bersifat *rabbani* iaitu sentiasa didasari dengan tuntutan Islam. Keduanya ialah ikhlas, iaitu segala usaha yang dilakukan bertujuan hanya untuk mendapat keredaan Allah s.w.t. Ketiga pula sentiasa bersabar dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap jawatan dan tugasnya. Keempat, jujur dengan apa-apa yang disampaikan. Seorang guru hendaklah jujur dengan melaksanakan apa-apa yang diajar. Kelima, sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan dan berbincang mengenai ilmu yang berkaitan.

Manakala yang keenam ialah berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan teliti dalam pelaksanaannya. Ketujuh pula menguasai dan mampu mengawal pelajar dengan cara yang baik serta tegas dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya yang kelapan mengambil tahu tahap kebolehan pelajar bagi memastikan kaedah yang betul dapat digunakan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Kesembilan merupakan sesuatu yang sangat diperlukan oleh seorang guru yang memperjuangkan nasib pelajarnya iaitu peka dengan perkembangan semasa dan pengaruhnya terhadap perkembangan pelajar, supaya pendekatan terbaik dapat digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ciri terakhir yang menjadi tuntutan kepada peribadi seorang guru ialah bersifat adil untuk semua pelajar. Seorang guru tidak sewajarnya menunjukkan kecenderungan ketara terhadap golongan pelajar yang tertentu sahaja (Al-Nahlawi 2007).

Berdasarkan perbincangan tentang *akhlak* guru menurut para sarjana Islam, Imam Al-Ghazali, Imam Al-Nawawi, Imam Al-Ajurri, Imam Al-Mawardi dan Imam Al-Nahlawi. Pengkaji telah membuat ringkasan berkaitan ciri-ciri *akhlak* guru yang dinyatakan seperti di Jadual 1. Jadual 1 di bawah juga menunjukkan bahawa wujudnya elemen persamaan dalam kalangan para sarjana Islam tersebut mengenai ciri-ciri *akhlak* yang seharusnya dimiliki oleh seseorang guru Muslim.

JADUAL 1. *Akhlik guru dan persamaannya dalam kalangan sarjana Islam*

| SARJANA ISLAM | AKHLAK GURU | ELEMEN PERSAMAAN |
|-----------------|--|--|
| Imam Al-Ghazali | <ul style="list-style-type: none"> • Ikhlas • Sentiasa berkasih sayang dan tidak pilih kasih. • Memberi nasihat kepada murid dengan tulus mengenai apa-apa sahaja dan mencegah mereka dari melakukan perkara buruk serta akhlak yang tercela. • Menjaga maruah dan imej muridnya dari segi psikologi. • <i>Tawadu'</i> dan tidak takbur kecuali terhadap orang yang zalim. • Tidak melecehkan mata pelajaran lain di hadapan muridnya. • Mengajar dengan jelas mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan akal fikiran muridnya. • Mengamalkan apa yang diajar. | |
| Imam Al-Nawawi | <ul style="list-style-type: none"> • Ikhlas niat kerana Allah s.w.t. • Tidak mengharap balasan segera • Tiada iri dalam hati • Berakhlik baik • Berlemah lembut • Sentiasa menasihati • Bersopan santun dan merendah diri • Membimbangi ke arah kebaikan • Mengajar sebagai satu kewajipan • Bersungguh-sungguh dan fokus • Mendengar dengan tenang • Adil dan mengambil berat • Tidak memperlekeh ilmu • Menyediakan tempat yang selesa | |
| Imam Al-Ajurri | <ul style="list-style-type: none"> • <i>Tawadu'</i>, • Mengharap keredaan Allah s.w.t. dengan ilmunya, • Bersikap sopan dan berlemah-lembut, • Selalu menasihati muridnya agar bertanya perkara-perkara yang bermanfaat bagi mereka, • Menyebarluaskan hikmah dan nasihat yang baik, • Berpegang kepada al-Qur'an, al-Sunnah, apa-apa yang dijalani oleh para sahabat, tabi'in dan imam kaum muslimin • Pengingat bagi orang yang lalai dan pemberi pelajaran bagi orang yang belum mengetahui. | <ul style="list-style-type: none"> • Ikhlas • <i>Tawadu'</i> • Berkasih sayang • Berakhlik baik • Berkemahiran dalam pengajaran • Sentiasa menasihati • Berhikmah dalam menegur • Beramal dengan ilmu. |
| Imam Al-Mawardi | <ul style="list-style-type: none"> • Memiliki sifat <i>tawadu'</i> • Mengajarkan ilmu yang diketahuinya • Mengetahui kapasiti diri • Mengamalkan ilmunya • Dermawan dengan ilmunya • Mengenali potensi muridnya • Tidak membosankan • Taat, memberi sumbangan kepada pemimpin dan bersikap tegas • Membersihkan diri dari perkara yang syubhah • Mengajar bertujuan mengharap keredaan Allah s.w.t. • Menasihati, menyayangi, memberi kemudahan dan membantu pelajar • Tidak berkasar, menghina, menganggap remeh dan tidak membuat pelajar berputus asa | |
| Imam Al-Nahlawi | <ul style="list-style-type: none"> • Tujuan, tingkah laku dan pemikiran bersifat <i>rabbani</i> • Ikhlas • Sentiasa bersabar • Jujur dengan apa-apa yang disampaikan • Sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan • Berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran • Mampu mengawal dan menguasai pelajar serta tegas • Mengambil tahu tahap kebolehan pelajar • Peka dengan perkembangan semasa dan pengaruhnya • Bersifat adil terhadap pelajar | |

ELEMEN UTAMA DALAM AKHLAK GURU MUSLIM

Para guru khususnya guru Muslim perlu menghayati enam elemen utama *akhlak* yang dapat diintegrasikan daripada pandangan lima orang tokoh sarjana Islam yang telah dibentangkan. Elemen-elemen tersebut ialah keimanan yang mantap; berakhlak baik; berkemahiran dalam pengajaran; sentiasa menasihati; memiliki ilmu psikologi seorang guru; berilmu dan beramal dengan ilmunya.

Keimanan yang mantap bermaksud beriman kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benarnya yang turut melahirkan sifat ikhlas, *tawadu'* dan *taqwa*. Ikhlas iaitu mengajar dengan niat semata-mata untuk mencari keredaan Allah s.w.t. (Al-Nahlawi 2007) dan mendekatkan diri kepada-Nya tanpa mengharapkan ganjaran, upah atau ucapan terima kasih, (Al-Ghazali 2008) bukan mengharapkan balasan berupa material sehingga dengan keikhlasan tersebut akan melahirkan sikap penuh tanggungjawab dalam pelaksanaan tugasnya sebagai guru, (Al-Mawardi t.t) dan bukan untuk mencari kedudukan mulia di sisi para pemimpin atau raja. (Al-Ajurri 2019). Al-Ghazali membuktikan pendapatnya dengan firman Allah s.w.t. dalam surah Hud ayat 29 yang bermaksud:

“Hai kaumku! Aku tidak meminta harta kepada kamu sebagai upahnya, upahku hanyalah dari Allah” (11:29)

Guru harus mendidik dengan hanya mengharap reda dari Allah s.w.t. Keikhlasan dalam mengajar merupakan kunci keberhasilan para guru. Ikhlas yang dilakukan oleh guru akan menjadikan pelajar mampu memahami pelajaran yang diajarkan, kerana sesuatu yang disampaikan dari hati akan sampai pula di hati (Al-Nawawi 1996). Manakala *taqwa* adalah memelihara diri daripada segala perbuatan yang menyebabkan terkena bala bencana di dunia dan azab di akhirat (Elmi & Zainab 2015). Allah s.w.t. menyeru hamba-Nya yang beriman supaya menerima Islam dan mengamalkan ajarannya secara menyeluruh dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Wahai orang-orang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhannya”.(2:208)

Ayat ini menjelaskan setiap perbuatan dan amalan manusia mesti berlandaskan ajaran Islam secara keseluruhannya merangkumi aspek ‘*aqidah*, ‘*ibadah*, *akhlak*, *mu'amalah* dan *syar'i'ah*. Seseorang Muslim wajib mempelajari, memahami dan menghayati rukun iman dan rukun Islam, selain itu

juga wajib mengetahui, memahami dan menghayati *akhlak-akhlak* mulia Rasulullah s.a.w. sebagai syarat kesempurnaan keislamannya (Mohamad Khairi et al. 2019). Masyarakat yang dibina berdasarkan kumpulan individu yang pincang akhlaknya membuktikan bahawa masyarakat tersebut tidak mempunyai kekuatan ‘*aqidah* dan iman yang lemah. Rasulullah s.a.w. telah menerangkan bahawa iman dapat melahirkan *akhlak* dan budi pekerti yang baik. Jika sebaliknya, maka rosaklah *akhlak* dengan bersabda yang bermaksud:

“Rasa malu dan iman adalah sama, apabila salah satu daripadanya hilang, maka yang lain akan hilang juga”. (al-Sayuti, al-Jami' al-Saghir, status: sahih)

Sabda Rasulullah s.a.w. lagi yang bermaksud:

“Daripada Abu Hurairah r.a. katanya, “Rasulullah s.a.w bersabda, “Tidak berzina penzina ketika sedang berzina sedangkan dia adalah mukmin, tidak minum arak ketika dia minum sedangkan dia adalah mukmin dan begitu juga tidak mencuri seorang pencuri sedangkan dia adalah mukmin.” (al-Bukhari dan Muslim, as-Sahihain, status: sahih)

Elemen kedua ialah berakhlak baik, seorang guru muslim mesti memiliki *akhlak* yang mulia dan terpuji dalam hubungannya dengan Allah s.w.t. mahupun hubungan sesama makhluk dan alam sekitar. Guru harus berakhlak baik sehingga boleh menjadi contoh kepada para pelajarnya. Hal ini kerana pelajar akan mudah memahami daripada apa-apa yang guru lakukan berbanding dengan apa-apa yang guru katakan (Al-Nawawi 1996). Dalam hal ini juga, guru Muslim mesti berpandukan apa-apa yang telah ditetapkan oleh syara' berdasarkan al-Qur'an dan al-Sunnah berkaitan *ibadah* dan *mu'amalah*. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyatakan tentang perkara ini, antaranya surah al-Baqarah 2:83, surah al-Nisa' 4:36 dan surah al-Ra'd 13: 20-22 (Aqeel & Zahid 2005). Seorang guru juga hendaklah memiliki sifat yang tegas dan teguh untuk tidak mengikuti pemimpin yang tidak berada dalam kebenaran, tidak menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran (Al-Mawardi t.t.). Manakala sahsiah yang perlu ada setiap guru ialah adil, sabar, simpati, kasih sayang, bertanggungjawab, jujur, *amar ma'ruf nahi' an munkar*, mencintai dan memartabatkan Rasulullah s.a.w. sebagai idola, lemah-lembut, sopan-santun, memberi kemudahan dan membantu pelajar, tidak berkasar, menghina, menganggap remeh dan tidak membuat pelajar berputus asa, tiada iri dalam hati dan ramah serta mengambil berat dalam hal ehwal

muridnya (Al-Ghazali 2008; Mohammad Ghozali & Nor'azzah 2015; Al-Nawawi 2017; Syabuddin 2018; Al-Ajurri 2019; Al-Mawardi t.t.). *Akhhlak* seorang guru iaitu menyayangi murid seperti anak sendiri sebagaimana dalil dari sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Sesungguhnya aku ini bagimu adalah seumpama seorang ayah bagi anaknya." (Riwayat al-Albani dari Abi Hurairah, Sahih Ibnu Majah, status: hasan sahih).

Guru-guru hendaklah sentiasa berakhhlak dengan *akhhlak* yang sesuai dan selari dengan tugas yang diamanahkan. Sekiranya warga pendidik menyedari kepentingan berakhhlak mulia, maka akan lahirlah murid-murid yang sentiasa taat kepada perintah guru, lebih-lebih lagi akan taat kepada perintah Allah, Rasul dan juga ibu bapa (Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar 2016).

Seterusnya, seorang guru Muslim mesti memiliki pelbagai kemahiran dalam mengajar iaitu: Mengajar dengan jelas mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan akal fikiran muridnya; Membimbing ke arah kebaikan; Teliti dan setia mengawasi anak yang nakal; Mengajar dengan bersungguh-sungguh dan lebih fokus kepada para pelajar berbanding keperluan dirinya yang tidak mendesak; Bijak mengurus masanya dengan efektif dan tidak disiasiakan; Tidak membosankan serta sistematik dalam pengurusan (Al-Ghazali 2008; Mohammad Ghozali & Nor'azzah 2015; Al-Nawawi 2017; Al-Ajurri 2019; Al-Mawardi t.t.). Guru hendaklah duduk dengan tenang penuh wibawa, memelihara kedua-dua tangannya daripada perkara sia-sia dan menjaga matanya daripada melihat perkara yang tidak perlu seperti melihat telefon bimbit semasa bacaan al-Qur'an diperdengarkan kepadanya (Muriyah et al. 2018). Guru juga haruslah mengajarkan ilmu yang telah dikuasainya supaya apa-apa yang disampaikan jelas dan dapat difahami oleh muridnya. Seorang guru perlu berusaha mempelbagaikan kaedah pengajaran dan teliti dalam pelaksanaannya; Menguasai dan mampu mengawal pelajar dengan cara yang baik serta tegas dalam proses pengajaran dan pembelajaran; Memberi perhatian kepada pelajar yang bertanya dan berusaha menjawab dengan baik; Guru tidak malu berkata: "saya tidak tahu, apabila ditanya soalan yang belum diketahui; Sentiasa berusaha menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dan berbincang mengenainya (Al-Mawardi t.t; Al-Ghazali 2004; Al-Nahlawi 2007; Al-Nawawi 2017). Jika ditanya suatu masalah yang

masih samar pendapat tentang hal itu pula, dia akan mengatakan, "Cuba tanyakan kepada orang lain selain diriku", seorang guru yang baik tidak akan memaksakan diri kepada persoalan yang belum dikuasai (Al-Ajurri 2019). Justeru, apabila guru berpengetahuan dan mahir dalam kaedah mengajar maka akan meningkatkan kesediaan pelajar untuk belajar.

Selain itu, seorang guru Muslim hendaklah sentiasa menasihati pelajarnya ke arah kebaikan. Seorang guru hendaklah berperanan sebagai penasihat dan pembimbing bagi pelajarnya untuk memberikan arahan yang positif dan bimbingan untuk membantu memudahkan urusan pelajarnya dalam proses pembelajaran mahupun dalam kegiatan sehariannya (Al-Nawawi 2017; Al-Mawardi t.t). Dia memberi nasihat kepada murid dengan tulus mengenai apa-apa sahaja dan mencegah mereka daripada melakukan perkara buruk serta *akhhlak* yang tercela. Dia memberi peringatan kepada orang yang lalai dan pelajaran kepada orang yang belum mengetahui serta hikmah kepada orang yang berhak. Dia menjelaskan perkara-perkara yang mereka bimbang sukar untuk memahaminya dengan penuh hikmah dan nasihat yang baik (Al-Ajurri 2019). Dia tidak sedikit pun meninggalkan nasihat kepada pelajarnya dengan melarang mereka mempelajari ilmu yang membahayakan, mempelajari ilmu fardu kifayah sebelum selesai mempelajari ilmu fardu 'ain dan mempelajari suatu tahap sebelum berhak pada tahap tersebut (Al-Ghazali 2004).

Antara elemen penting *akhhlak* seorang guru ialah memiliki ilmu psikologi dengan menguasai aspek psikologi terutamanya yang berkaitan perkembangan manusia. Psikologi pendidikan pula sebagai integrasi daripada disiplin ilmu psikologi yang berupaya menggunakan konsep atau prinsip-prinsip psikologi bagi merungkaikan masalah-masalah yang berlaku dalam dunia pendidikan. Ilmu ini mampu menjadi asas dalam memahami tingkah laku, emosi dan pemikiran pelajar. Oleh itu, ilmu psikologi pendidikan banyak memberi panduan kepada guru untuk meningkatkan kecekapan dalam proses pengajaran dan pembelajaran pada keadaan yang berbeza-beza seperti: mengenali potensi muridnya; Menjaga maruah dan imej muridnya dari segi psikologi; Melarang muridnya daripada berperangai jahat dengan cara sindiran bukan secara terus terang dan dengan cara kasih sayang bukan secara mengejek; Peka dengan perkembangan semasa dan pengaruhnya terhadap perkembangan pelajar; Mewujudkan suasana yang kondusif, selesa

dan sesuai kepada para pelajar; Sentiasa memberi bimbingan dan menilai hasil pembelajaran; Tidak berkasar, menghina, menganggap remeh dan tidak membuat pelajar berputus asa sehingga memilih untuk berhenti belajar (Abd. Majid & Rahil 1997; Al-Ghazali 1965; Al-Nawawi 2017; Al-Nahlawi 2007; Al-Mawardi t.t). Guru hari ini berdepan dengan pelajar yang mempunyai peribadi yang pelbagai pengalaman dan jangkaan. Mereka lebih terdedah kepada pelbagai nilai dan maklumat yang dipelajari daripada rakan sebaya dan alatan Teknologi Media dan Komunikasi (TMK) seperti internet, televisyen dan telefon bimbit yang telah menjadi banyak sumber masalah disiplin di sekolah (Azlin Norhaini et al. 2017). Guru perlu mempunyai pelbagai strategi untuk mengurus tingkah laku pelajar kerana setiap pelajar adalah unik dan mempunyai keupayaan dan keperluan yang berbeza. Kebolehan menggunakan strategi bergantung kepada pengalaman dan pengetahuan guru (Rosilawati et al. 2020). Oleh yang demikian, guru perlu dilatih dan diasuh dengan psikologi Islam yang meliputi tingkah laku guru untuk berinteraksi dengan murid secara kognitif, afektif dan spiritual (Sofiah, Kamarul Azmi & Muhammad Azhar 2016).

Elemen terakhir *akhlak* yang perlu ada pada seorang guru yang bergelar Muslim ialah berilmu pengetahuan dan beramal dengan ilmunya. Berilmu ialah guru harus menguasai ilmu yang dipelajari dan mengajarkan ilmu yang telah dikuasainya supaya apa-apa yang disampaikan jelas dan dapat difahami oleh muridnya. Ilmu umpama penyuluhan dalam kehidupan (al-Ghazali 2008; Osman Bakar 1998 dalam Noornajihan & Zetty Nurzuliana 2015). Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyentuh soal kepentingan menguasai ilmu terutamanya ilmu agama, antaranya dalam surah Ali-'Imran 3:18, surah Fâtir 35:28, surah al-'An'aâm 6: 83 dan surah al-Nisa' 4:83. Manakala ilmu tanpa amal ibarat pohon tiada buah. Oleh itu, seorang guru hendaklah mengamalkan ilmu yang dimilikinya. Apa-apa yang disampaikan kepada muridnya maka itu merupakan hal yang seharusnya dilakukan oleh gurunya terlebih dahulu (Al-Mawardi t.t.). Hal ini menyokong peringatan Allah s.w.t. kepada mereka yang memiliki ilmu tetapi tidak mengamalkannya seperti firman Allah s.w.t. dalam surah al-Saf 61: 2-3 yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, kenapakah kamu mengatakan sesuatu yang tidak kamu kerjakan? Amat besar kebencian di sisi Allah s.w.t. bahawa kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”. (61:2-3)

Al-Ghazali menguatkan dengan dalil daripada firman Allah s.w.t. dalam surah al-Baqarah ayat 44 yang bermaksud:

“Apakah kamu menyuruh orang lain berbuat baik sedangkan kamu melupakan dirimu sendiri (2:44)

Seorang guru hendaklah jujur dengan apa-apa yang disampaikan dengan melaksanakan apa-apa yang diajar (Al-Nahlawi 2007). Imam Al-Mawardi berpendapat guru harus memotivasi dirinya untuk mematuhi apa-apa yang diperintahkan ilmu kepadanya. Guru juga hendaklah menjauhi daripada berkata terhadap apa-apa yang tidak dikerjakan, menyuruh apa-apa yang tidak dikerjakan dan menyembunyikan apa-apa yang seharusnya diperlihatkan. Dengan demikian, walau di mana jua ditempatkan, guru itu tetap bermanfaat, menjadi teladan dan memainkan peranan yang baik dalam masyarakat (Mohammad Ghozali & Nor'azzah 2015; Syabuddin 2018). Seorang guru wajib mentaati pemimpin yang berada dalam kebenaran dan memberi sumbangan ilmu yang bermanfaat bagi kepemimpinannya sehingga dapat memimpin negara dengan lebih baik. Oleh itu Al-Ghazali (2004) menyatakan bahawa umat Islam perlu berilmu untuk menjauhkan diri daripada mengikut tanpa usul periksa dan perlu mengubah pemikiran agar Islam dan institusi pendidikannya tidak dianggap ketinggalan zaman.

Perbincangan ini menggariskan satu pengetahuan dan amalan yang mampu mencegah para guru daripada tersalah atau tersasar dalam mengajar dan bertindak. Perkara ini telah ditetapkan oleh ajaran Islam dan menjadi *akhlak* setiap guru Muslim tanpa mengira jawatan, pangkat, darjah, umur, tempat dan organisasi mereka berkhidmat. Terdapat banyak karya penulisan para sarjana Islam dari dahulu hingga kini berkaitan dengan adab dan *akhlak* guru yang perlu dikaji, dijadikan kerangka asas dan sebagai sumber kepada penentuan nilai profesionalisme perguruan menurut perspektif Islam.

KESIMPULAN

Kertas konsep ini menyorot tumpuan terhadap penentuan *akhlak* guru Muslim yang ideal menurut para sarjana Islam iaitu Imam al-Ghazali, Imam al-Nawawi, Imam al-Ajurri, Imam al-Mawardi dan Imam al-Nahlawi. Guru Muslim harus mempunyai *akhlak* yang menggambarkan dirinya ialah seorang pendidik dan pendakwah, berdasarkan enam elemen

utama yang diperoleh daripada pandangan tokoh-tokoh Islam terpilih iaitu keimanan yang mantap, berakhhlak baik, berkemahiran dalam pengajaran, sentiasa menasihati, memiliki ilmu psikologi seorang guru, berilmu dan beramal dengan ilmunya. Setiap pendidik seharusnya berusaha untuk mengamalkan *akhhlak* yang telah disepakati oleh para sarjana Islam untuk merealisasikan ajaran Islam sebenarnya agar dapat dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Segala pendapat dan pandangan para sarjana Islam adalah berlandaskan dua sumber utama iaitu al- Qur'an dan al-Sunnah. Justeru, para guru hendaklah mengamalkan sifat terpuji yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan berusaha untuk menjauhi segala sifat yang dicela oleh Allah s.w.t. dan Nabi s.a.w. melalui al-Qur'an dan hadith baginda, tidak kira semasa bersendirian atau ketika berhadapan dengan pelajar. Melalui ciri-ciri konsisten yang diamalkan dalam kehidupan sehari-hari, seseorang Muslim akan berjaya menjalankan tugasnya sebagai guru dengan berkesan seterusnya menarik minat pelajar memahami dan mengamalkan mesej yang disampaikan. Hal ini mengukuhkan pandangan masyarakat terhadap guru sebagai ‘qudwah hasanah’ yang boleh dicontoh dan dihormati. Semoga *akhhlak* guru Muslim yang dibincangkan dalam kajian ini dapat dibina dalam diri setiap guru yang bergelar Muslim. Guru yang tidak mempunyai *akhhlak* Muslim yang sebenarnya tidak dapat bertahan lama untuk menghadapi cabaran dalam dunia pendidikan hari ini. Oleh itu, cadangan kajian lanjutan hasil daripada kajian ini dapat membina modul *akhhlak Islamiyyah* yang ideal bagi guru Muslim. Modul tersebut berdasarkan pandangan dan pemikiran daripada para sarjana Islam yang sangat perlu ditonjolkan kembali untuk generasi hari ini dan akan datang sebagai amalan sehari-hari yang selari dengan tuntutan syari'at Islam sebenarnya.

SUMBANGAN PENGARANG

Artikel ini adalah hasil sumbangan saintifik yang signifikan dalam penyelidikan yang dilakukan oleh dua orang penulis termasuk dalam membina konsep dan reka bentuk artikel penyelidikan, Zurina Zakaria; metodologi, Ashraf Ismail; analisis dan tafsiran data kajian, Zurina Zakaria; penyusunan data, Zurina Zakaria; penyediaan draf asal, Zurina Zakaria dan Ashraf Ismail; semakan dan penyuntingan, Ashraf Ismail dan Zurina Zakaria;

penyiapan dan penyuntingan akhir, Zurina Zakaria. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju dengan isi kandungan artikel.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam. *Global Journal Al-Thaqafah (GJAT)* 2 (2): 53-63.
- Ab. Halim Tamuri. 2000. A study of the students' knowledge of akhlak in the Malaysia secondary school (With Special Reference to the Islamic Education ICSS/KBSM). *PhD Thesis.*, University of Birmingham, United Kingdom.
- Ab. Halim Tamuri. 2005. Penilaian Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Kebangsaan 2005, Kota Kinabalu.
- Abd. Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin. 1997. *Psikologi Pendidikan 1: Pertumbuhan dan Perkembangan*. Petaling Jaya: Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Rahman bin Abi Bakr Jalaluddin al-Sayuthi, *Kitab al-Jami' al-Saghir*. (Elektronik) No. Hadith 5511: 611.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari. 1993. *Sahih al-Bukhari*. Mustafa Deeb al-Bugha. Damsyik: Dar Ibn Kathir, Dar Yamamah.
- Abu al-Hasan Ibn Muhammad Ibn Habib al-Mawardi al-Bashri, *Adab al-Dunya wa al-Din*, Kediri: al-Ma'had al-Islami al-Salafi, t.t.hlm. 92.
- Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi. 1955. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Muhammad Fuad Abdul Baqi, Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Abu Dawud Sulayman bin al-'Asy'ath al-Azdi al-Sajistani, 2009. *Sunan Abi Dawud*. Kitab Ilmu, Bab al-Hassi 'ala Tholabi Ilmi, No. Hadith 3641. Syu'aib al-Arnū'ud. Dar Risalah al-'Alamiyyah 1(5):485.
- Abu Dawud Sulayman bin al-'Asy'ath al-Azdi al-Sajistani, 2009. *Sunan Abi Dawud*. Kitab Adab, Bab fi Sa'ati Majalis, No. Hadith 4819. Syu'aib al-Arnū'ut. Dar Risalah al-'Alamiyyah 1(7):194.
- Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. 2013. Guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai pendidik dan daie sepanjang zaman: Satu analisis. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]*. 371-385.
- Al-Ajurri, Abu Bakar Muhammad b. Al-Husain. 2019. *Akhhlak Ulama Pewaris Nabi: Wasiyat Imam Al-Ajurri kepada para penuntut Ilmu*. Penterjemah, Anang Fathuddin Al-Marfu'i. Solo: Pustaka Arafah.
- Al-Ajurri, Muhammad bin al-Husayn. 2003. *Akhlaq Ahl al-Quran*, tahqīq: Muhammad Amr bin Abd al-Latif, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.

- Aqeel Saeid, Zahid Emby.2005. Islamic Social Action. *Jurnal Islamiyyat* 27(2): 71-99
- Asmawati Suhid, Mohd Rezduan Mat Jurit, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Abd. Muhsin Ahmad & Mohd. Aderi Che Noh. 2014. Personaliti Pendidik Yang Ideal: Apa Kata Pelajar Di Institut Pengajian Tinggi? *Journal of Al-Quran and Tarbiyyah* 1(1): 1-8.
- Asy'ari Muhammad Yusuf. 2019. *Konsep Pendidikan Akhlak yang Terkandung dalam Kitab Bidāyat Al-Hidāyah Karya Al Imam Hujjatul Islam Abu Hamid Al-Ghazali dan Relevansinya dengan Materi Akhlak Kelas X Madrasah Aliyah*. Tesis Jurusan Pendidikan Agama Islam Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Institut Agama Islam Negeri Ponorogo.
- Azlin Norhaini Mansor, Jayanthi Sanasi , Mohamed Yusoff Mohd Nor, Nurfaradilla Mohamad Nasir , & Jamalullail Ab. Wahab. 2017. Teacher perceptions of managing indiscipline amongst atrisk teenage students: A Malaysian study. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 4(5) , 112-119. Retrieved from <https://pdfs.semanticscholar.org/c432/6d04113426e5d97c3f28641dbc2861a0e372.pdf>
- Berita Harian*. 2018. 23 November.
- Berita Harian*. 2019. 8 November.
- Berita Harian*. 2023. 30 Januari.
- Chua Yan Piaw, 2014. *Kaedah Penyelidikan*. 3rd Ed. Selangor: Mc Graw Hill Education.
- Cipto Wardoyo. 2015. The measurement of teacher's personality competence and performance using embedded model. *Journal of Education and Practice*. 6(26).
- Elmi Baharuddin, Zainab Ismail. 2015. Kecerdasan ruhaniah membentuk manusia unggul. *Islamiyyat* 37(2): 97 - 105(<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyat-2015-3702-01>).
- Ensiklopedia Islam*. 2004. Jil. 1:104-105 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Fairuzzah Harun. 2018. Pembangunan dan Penilaian Model Amalan Akhlak Guru Pelatih Muslim di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin. 2017. *Personaliti Dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Habibah @ Artini Ramlie Norshahrul Marzuki Mohd. Nor Zaharah Hussin. 2020. Analisis Kandungan Standard Profesionalisme Keguruan: Cadangan Implemtasi Standard Keguruan Pendidikan Islam Berasaskan Riadhah Ruhiyyah'. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 8(2): 45-57.
- Al-Ghazali, A. H. M. 1999. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad. 2004. *Bidayah Al- Hidayah*. Cetakan pertama. Beirut: Dar al- Manhaj
- Al-Ghazali. 1965. *Ihya' 'Ulumuddin Imam al-Ghazzali*. Tengku Hj. Ismail Yakub (Pent). Jilid 1. Cetakan 2. Medan: Percetakan Imballo.
- Al-Ghazali. 2008. *Ringkasan Ihya' Ulumuddin*. Jakarta: Mutiara Faza
- Harian Metro*. 2019. 18 Januari.
- Harian Metro*. 2020. 25 Februari.
- Harian Metro*. 2021. 22 April.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar al-Qurashiyy al-Dimashqiyy. 2010. *Tafsir al-Qur'an al-'Adhim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibnu Majah, Abu 'Abdullah Muhammad Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. No. 4251 & 256. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Riyad: Dar al Ma'arif lil Nashr wal Tauzi'.
- Jamil M. & Said S. 2015. Kompetensi Guru Terhadap Pengurusan Pengajaran dan Pembelajaran: Suatu pendekatan Teknik Fuzzy Delphi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 1(3).
- Kamarul Azmi Jasmi. 2011. Pendidikan Islam: Cabaran Alaf Baru. Seminar Pendidikan Islam Madrasah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Melaka, 28-29 Mac.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2013. *Laporan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia*, 2013.
- Lina Mastura Jusoh. 2020. Amalan Akhlak Guru dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) Kawasan Petra Jaya, Kuching, Sarawak. *International Journal of Social Policy and Society*. 16:22-32.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Ali Yakub Matondang & Asma Abdul Rahman. 2004. *Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah*. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Khairi Othman, Alis Puteh, Mohd. Zailani Mohd Yusoff, Fauziah Abdul Rahim. 2019. Keperluan penggunaan modul etika kerja guru dalam meningkatkan penghayatan nilai pelajar. *Islamiyyat* 41(1):49 – 57 (<https://doi.org/10.17576/islamiyat-2019-4001-05>)
- Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah Kamri. 2015. Keperibadian Islam dan profesionalisme dalam pekerjaan: Satu analisis teoritis. *Jurnal Shariah* 23(2): 255-286.
- Mohd Anuar Mamat et.al . 2016. Isu dan Keperluan Etika Profesionalisme Perguruan Islam (EPPI): Satu Kajian Awal Berdasarkan Pandangan Pakar. (Seminar Antarabangsa Pemerkasaan Pendidikan Islam (Madrasah), Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- Mohd Anuar Mamat. 2019. Etika perguruan berdasarkan pemikiran Imam Abū Ḥanīfah: kajian tinjauan terhadap tahap pengetahuan guru Pendidikan Islam di Selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 3(1):1-14. <https://doi.org/10.33102/jqss.v3i1.26>.
- Mohd. Dahlan A. Malek & Nurul Hudani Md. Nawi. 2015. *Personaliti Menurut Perspektif Islam Dan Barat*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Nasir Omar. 2016. *Falsafah Akhlak*. Ed. 2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Akip. 2020. Akhlak guru terhadap murid dalam proses pendidikan di era milenial perspektif Imam Ghazali. *El-Ghiroh: Jurnal Studi Keislaman* 18(2):169-178. <https://doi.org/10.37092/el-ghiroh.v18i2.242>
- Muhammad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2012. *Pemantapan Peranan Guru Dan Kaedah P&P Pendidikan Islam: Suatu Agenda Berterusan*. Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012):91-97.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. 1995. *Kitab Silsilah al-Ahadith al-Sahihah*. No. Hadith 45. Riyadah: Maktabah al-Ma’arif lil Nasr wal Tauzi’. 1(1):112.
- Muriyah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah, Aminudin Hehsan, Mohd Faeez Ilias. 2018. Karakteristik Guru Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Al-Quran. *e Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*. 5(1): 81-93.
- Al Muslim Mustapa dan Zamri Arifin. 2015. Penentuan Dimensi Kualiti Guru Bahasa Arab di Malaysia. *Jurnal Islamiyyat* 37(1): 49-57. (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyat-2015-3701-05>)
- Al-Nahlawi, Abd al-Rahman. 2007. *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah wa Asalibuhu fi al-Bait wa al-Madrasah wa al-Mujtama'*. Darul Fikr.
- Nasarudin Desa @ Man, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Sabri Mohamad. 2018. Menangani keruntuhan akhlak masa kini menurut Islam. *Jurnal al-Turath* 3(1).
- Al-Nawawi, Abi Zakaria Yahya b. Syaraf al-Nawawi. 1996. *At-Tibyan fi Adabi Hamalatil Al-Qur'an*. Tahqiq, Muhammad Al- Hajjar. Cetakan 4. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Al-Nawawi, Yahya b. Sharafuddin. 2017. *At-Tibyan fi Adab Hamalah Al-Qur'an*. Penterjemah, Nuruddin Azri Zulkifli, Khairulamirin Khabir dan Mohd Iqbal Ahmad. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi. 2016. Sifat keperibadian Guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap rakan setugas dan pihak atasan di sekolah: Satu kajian kes. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies (UMRAN)* 3(2): 85-91.
- Noor Azizah Mohd Said, Suziyani Mohamed. 2021. Hubungan personaliti guru dan pembentukan akhlak kanak-kanak. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 406-415.
- Noornajihan Jaafar, Zetty Nurzuliana Rashed. 2015. Model kualiti guru pendidikan Islam sebagai murabbi menurut sarjana Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 1(1): 101-108, e-ISSN: 2289-960X.
- Rosilawati Sueb, Hamimah Hashim, Khadijah Said Hashim, Munirah Mohd Izam. 2020. Excellent Teachers' Strategies in Managing Students' Misbehaviour in the Classroom. *Asian Journal of University Education (AJUE)* 16(1).
- Salbiah bt Mohamed Salleh @ Salleh, Jamil bin Ahmad, Mohd Aderi bin Che Noh, Aminudin bin Hehsan. 2017. Profil Akhlak Guru Pendidikan Islam di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 5(1): 80 – 93.
- Salbiah Mohamed Salleh@Salleh. 2018. Pembinaan dan pengesahan instrument penilaian kendiri akhlak guru Pendidikan Islam. Tesis Dr. Fal. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sinar Harian* 2022. 26 Julai.
- Sinar Harian*. 2019. 30 Jun.
- Sinar Harian*. 2021. 25 April.
- Sofiah Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Muhammad Azhar Zailaini. 2016. Akhlak guru dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Akademika* 86(2):31-42.
- Syabuddin Gade. 2018. Kompetensi Guru Menurut Imam al-Ghazali. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah. Special Issues*(2018): 233-248, e-ISSN: 2289-8042
- Syafiqah Solehah Ahmad, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. 2020. Pengamalan Akhlak Guru Pendidikan Islam Mempengaruhi Pengamalan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Marang, Terengganu. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 2(3) : 254-266.
- Wahbah Az-Zuhaili (Dr). 2013. *Tafsir Al- Munir: Akidah, Syariah, Manhaj*. (Pent.) Prof. Dr. M. Quraish Shihab. Jil. 2 Juz 3 & 4: 366-373. Jakarta: Gema Insani.
- Wahbah Az-Zuhaili (Dr). 2013. *Tafsir Al- Munir: Akidah, Syariah, Manhaj*. (Pent.) Prof. Dr. M. Quraish Shihab. Jil. 8 Juz 15 & 16: 63. Jakarta: Gema Insani.
- Wahbah Az-Zuhaili (Dr). 2013. *Tafsir Al- Munir: Akidah, Syariah, Manhaj*. (Pent.) Prof. Dr. M. Quraish Shihab. Jil. 13 Juz 25 & 26: 74. Jakarta: Gema Insani.
- Walker, R. J. 2008. Twelve Characteristics of an Effective Teacher: A Longitudinal, Qualitative, Quasi-Research Study of In-service and Pre-service Teachers' Opinions. *Educational Horizons*, 87(1), 61–68. <http://www.jstor.org/stable/42923744>.
- Zaydan, ‘Abdul Karim. 2001. *Usyul al-Dakwah*. Beirut: Muassasah al-Risalah.